



**YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA  
(MCPF)**

**Laporan Tahunan  
2012**

	<b>muka surat</b>
<b>Perutusan Khas Pengerusi MCPF</b>	<b>3</b>
<b>Barisan Ahli EXCO</b>	<b>4</b>
<b>Notis Panggilan Mesyuarat</b>	<b>5</b>
<b>Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-19</b>	<b>6-16</b>
<b>Senarai Kehadiran Pada Mesyuarat Agung Kali Ke-19</b>	<b>17</b>
<b>Laporan Kewangan Berakhir 31 Disember 2012</b>	<b>18-30</b>
<b>Majlis Eksekutif Mengikut Perlembagaan MCPF</b>	<b>31-32</b>
<b>Majlis Eksekutif Mengikut Jawatan Bagi Penggal 2012/2014</b>	<b>33-34</b>
<b>Senarai Jawatankuasa Perhubungan Negeri Bagi Tahun 2012-2013</b>	<b>35-36</b>
<b>Laporan Aktiviti MCPF Pusat Bagi Tahun 2012</b>	<b>37-44</b>
<b>Laporan Aktiviti MCPF Negeri Bagi Tahun 2012</b>	<b>45</b>
<b>Galeri 2012</b>	<b>46-50</b>
<b>Keratan Akhbar</b>	<b>51-55</b>

## PERUTUSAN KHAS

**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP  
PENGURUSI YAYASAN PENCEGAHAN  
JENAYAH MALAYSIA (MCPF)**



Assalamualaikum wbt dan Salam 1Malaysia.

Syukur kita kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka kita berpeluang untuk berkumpul pada tanggal 23hb Mac 2013 sempena Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kali Ke-20.

Malaysia kini sedang melalui suatu transformasi besar dari sudut ekonomi, politik dan hak asasi manusia. Melalui transformasi ini jugalah, rakyat Malaysia berpeluang untuk mengecapi kesejahteraan hidup seiring dengan lonjakan semula dari kemelesatan ekonomi global. Dalam memelihara kesejahteraan, rakyat Malaysia perlu menjadikan budaya pencegahan jenayah sebagai sebahagian daripada kehidupan kita seharian.

Selaku Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar berusaha mencapai 'Toleransi Sifar Terhadap Jenayah'.

Sasaran kita untuk melihat penurunan indeks jenayah telah menampakkan hasilnya melalui pelbagai inisiatif NKRA mengurangkan jenayah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP). Bagaimanapun, kita perlu meningkatkan lagi usaha kerjasama berterusan di antara pihak Polis Diraja Malaysia dan rakyat.

Usaha pencegahan jenayah memerlukan penglibatan dan komitmen sepenuhnya daripada setiap individu tanpa mengira pangkat, keturunan mahupun latar belakang. Ini adalah kerana keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati di kala ini amatlah tinggi nilainya dan perlu dipelihara oleh semua.

Saya menyeru kepada semua ahli MCPF samada ahli biasa mahupun daripada golongan Exco supaya mengambil langkah yang lebih agresif ke arah membudayakan pencegahan jenayah sebagai tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.

**YAB TAN SRI DATU' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN**  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



# JAWATANKUASA EKSEKUTIF YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH PENGGAL 2012 HINGGA 2014



Berdiri Kiri : Tuan Hj Darussalam, En.Kelvin Yeap Tong Wei, YBhg. Dato' Leong Kin Mun, YBhg. Dato' Sri Navaneethakrishner A/I Kathirgamatamby, En. Kamal Affandi Hashim, YBhg. Dato' Johnny Ch'ng Ewe Gee, ACP Hjh Fatimah Abd Hamid, YBhg. Dato Hj Rahmat Ismail, YBhg. Dato' Pulayantran a/I Kayaambu, YBhg. Datuk Muhammad Fuad Talib, YBhg. Dato Wong Pui Lam, DSP Chan Kuang Yu, Duduk Kiri : YBhg Tan Sri Robert Phang Miow sin, YBhg. Datuk Kamarudin Md Ali, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, YDH Tan Sri Ismail Hj Omar, YBhg. Datuk Henry Chin Poy Wu, YBhg. Datuk Eddy Chen Lok Loi, YBhg. Dato' Denison Jayasooria.

19hb. Februari 2013

**NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF) KALI KE-20**

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung MCPF Kali Ke-20 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **23hb. Mac 2013 (Sabtu)**  
Masa : **10.30 pagi**  
Tempat : **Mes Pegawai Kanan PDRM  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
50560 Bukit Aman  
Kuala Lumpur**

2. Mesyuarat akan dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi MCPF. Agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-


- 2.1 Ucapan aluan oleh YAB Pengerusi MCPF;
- 2.2 Menyemak dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Kali ke-19 bertarikh 31hb. Mac 2012;
- 2.3 Membentang dan meluluskan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan tahun berakhir 31hb. Disember 2012;
- 2.4 Hal-hal lain (dengan notis).

3. Jika terdapat usul yang hendak dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung kali ini, sila kemukakan kepada Sekretariat MCPF melalui e-mail ([support@mcpf.org.my](mailto:support@mcpf.org.my)) atau faks (03-2272 4325) sebelum atau pada 8hb. Mac 2013.

4. Sehubungan dengan itu, pihak Sekretariat MCPF mengalu-alukan kehadiran YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sebagai ahli MCPF ke Mesyuarat Agung MCPF Kali Ke-20. Semoga kehadiran dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan akan menjayakan mesyuarat kali ini.

Sekian, terima kasih.

**DENGAN PERINTAH MAJLIS EKSEKUTIF**



**(HJH. FATIMAH BTE. ABD HAMID) ACP**  
Setiausaha Kehormat  
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)



## MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE-19 YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)

Tarikh : 31hb. Mac 2012, (Sabtu)  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Dewan Banquet  
Aras 3, Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur  
43200 Cheras, Selangor.  
Jumlah ahli yang hadir : 150 orang

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1. Mesyuarat Agung MCPF Kali Ke-19 dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato<sup>o</sup> Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi MCPF. YAB Pengerusi mengalu-alukan kedatangan semua ahli MCPF dan berharap agar mesyuarat kali ini berjalan dengan lancar.  
**Makluman**
- 1.2. YAB Pengerusi berharap agar MCPF dapat menjadi sebuah NGO yang secara langsung membantu pihak berkuasa khususnya PDRM dan dianggap NGO yang penting kepada masyarakat.  
**Makluman**
- 1.3. YAB Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua anggota Polis DiRaja Malaysia sempena sambutan Hari Polis Ke-205 pada 25hb Mac 2012 baru-baru ini.  
**Makluman**
- 1.4. Ucapan tahniah juga dirakamkan di atas penganugerahan "*Friends of The Police*" kepada YBhg Tan Sri Lee Lam Thye dan YBhg Tan Sri Robert Phang dan juga syabas kepada En. Kamal Affandi Hashim dengan anugerah pangkat ASP Kehormat Polis DiRaja Malaysia. Tambah YAB Pengerusi, ini jelas menunjukkan bahawa Exco MCPF mempunyai kredibiliti, integriti dan komitmen yang tinggi membantu PDRM di dalam usaha mencegah dan memerangi jenayah di negara kita.  
**Makluman**
- 1.5. Menurut YAB Pengerusi, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengurangkan jenayah yang dilaksanakan sejak Januari 2010 telah menunjukkan hasil yang positif dengan pencapaian penurunan jenayah indeks sebanyak 11.1% dan penurunan sebanyak 39.7% di dalam jenayah jalanan. Tambah YAB Pengerusi, statistik terkini yang telahpun dimaklumkan oleh YDH Ketua Polis Negara adalah penurunan hampir 50%. Pengerusi memaklumkan bahawa perlaksanaan program yang dirangka dan disasarkan seperti program bandar selamat adalah bukti bagaimana idea yang dibangunkan melalui bengkel Program Transformasi Kerajaan (GTP) telahpun diterjemahkan di dalam mewujudkan persekitaran yang lebih selamat di negara ini.  
**Makluman**

- 1.6. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa pada tahun 2011, laporan Indeks Keamanan Dunia/ *Global Peace Index* telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang paling selamat di Asia Tenggara dan ke-19 paling selamat dan aman di dunia. Beliau melahirkan rasa bangga dengan usaha yang dilakukan oleh PDRM di atas pencapaian tersebut dan membuktikan komitmen dan hasil usaha menyeluruh oleh pihak kerajaan bersama-sama dengan inisiatif di bawah MCPF.

**Makluman**

- 1.7. Tambah beliau, pengiktirafan dan penurunan indeks jenayah tersebut mencerminkan bahawa PDRM telahpun mengukuhkan pelaksanaan dan perancangan strategi dan aktiviti yang berkaitan keselamatan masyarakat dan negara. Di samping usaha PDRM, masyarakat juga perlu terus menggembeling tenaga bagi mencapai matlamat negara makmur, sejahtera dan selamat.

**Makluman**

- 1.8. YAB Pengerusi menyarankan agar ahli-ahli MCPF mengambil bahagian di dalam menyebarkan maklumat ini kepada masyarakat bagi memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa negara ini adalah sebuah negara yang selamat. Sekaligus dapat menepis persepsi negatif masyarakat di dalam isu ini.

**Tindakan: Ahli MCPF**

- 1.9. YAB Pengerusi menyatakan bahawa ahli-ahli MCPF boleh membantu menangani punca jenayah di kalangan masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan permasalahan sosial seperti pembuangan dan penganiayaan bayi, keganasan rumahtangga, penyalahgunaan dadah, jenayah rompak dan bunuh, gangguan seksual, rogol dan pencabulan terhadap kanak-kanak.

**Tindakan: Ahli MCPF**

- 1.10. Beliau menyatakan ahli-ahli perlu bergerak aktif melibatkan diri di peringkat komuniti masing-masing dengan mempromosi budaya selamat di kalangan masyarakat setempat, membentuk persatuan penduduk serta mengaktifkan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang akan dapat membantu ke arah matlamat yang sama.

**Tindakan: Ahli MCPF**

- 1.11. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa MCPF sentiasa mencari cara-cara yang proaktif untuk menangani persepsi negatif terhadap PDRM. Program Lawatan Balai Polis anjuran MCPF yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu membuktikan usaha ini.

**Makluman**

- 1.12. Pengerusi amat menghargai usaha Pasukan Pelawat Peringkat Kebangsaan Program Lawatan Balai Polis yang diketuai oleh YBhg Datuk Kamarudin Md Ali dan dibantu oleh YBhg Tan Sri Robert Phang yang bergerak ke seluruh negara untuk menilai sebanyak 27 buah balai polis terbaik peringkat negeri. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di atas kerjasama yang tidak berbelah bahagi bagi menjayakan program tersebut.

**Makluman**



- 1.13. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa pada pagi ini, Program Lawatan Balai Polis 2011 telah sampai ke kemuncaknya dan para pemenang akan diraikan untuk menerima Anugerah Emas MCPF. Beliau mengucapkan tahniah dan berharap para pemenang akan diberikan peluang penempatan kerja sambil belajar di sebuah negara yang mempunyai sistem kepolisan yang hebat dan cemerlang sepertimana yang telah dirancang sebelum ini.

**Makluman**

- 1.14. Seterusnya, YAB Pengerusi diiringi Yang Dihormati Tan Sri Hj. Ismail Omar, Ketua Polis Negara dan Datuk Kamarudin Md Ali menyampaikan enam Anugerah Emas Program Lawatan Balai Polis 2011 kepada Ketua Polis Balai dari Balai Polis Taman Johor Jaya (Johor), Balai Polis Sea Park (Selangor), Balai Polis Panching (Pahang), Balai Polis Sungai Bakap (Pulau Pinang), Balai Polis Tambunan (Sabah) dan Balai Polis Sentral Sibul (Sarawak).

**Makluman**

- 1.15. Selesai majlis penyampaian Anugerah Emas, YAB Pengerusi meneruskan agenda mesyuarat yang seterusnya dan memperkenalkan ACP Hjh. Fatimah bte. Abd Hamid sebagai Setiausaha Mesyuarat kali ini.

**Makluman**

### **2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG MCPF KALI KE-18 BERTARIKH 26HB. MAC 2011**

Minit mesyuarat telah dicadangkan sah oleh Encik Md Noh @ Mohamed bin A. Jabbar (No. Ahli 101762) dan disokong oleh Datuk Francis Yap Tai Nyen (No. Ahli 100760) tanpa sebarang pindaan.

**Makluman**

### **3. PERKARA BERBANGKIT**

YAB Pengerusi memaklumkan tiada perkara berbangkit untuk dibincangkan di dalam mesyuarat kali ini.

**Makluman**

### **4. PEMBENTANGAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN MCPF TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

- 4.1. YBhg. Datuk Eddy Chen Lok Loi selaku Bendahari Kehormat MCPF telah membentangkan Laporan Kewangan berakhir pada 31 Disember 2011 yang diauditkan oleh Juruaudit Bertauliah iaitu KPMG Desa Megat & Co.

**Makluman**

- 4.2. Beliau merujuk kepada mukasurat 17 Laporan Kewangan iaitu jumlah pendapatan pada tahun 2011 adalah RM5,211,509.00 manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM1,626,294.00 (mukasurat 18 Laporan Kewangan).

**Makluman**



- 4.3. YBhg. Datuk Eddy menjelaskan bahawa jumlah perbelanjaan meningkat pada tahun 2011 kerana banyak program dan aktiviti telah dijalankan terutama di peringkat MCPF negeri, majlis makan malam kutipan dana anjuran MCPF Pusat, program lawatan balai polis dan lain-lain. Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan bahawa majlis makan malam tersebut telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM2.65 juta.

**Makluman**

- 4.4. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa secara keseluruhan kedudukan kewangan MCPF adalah baik.

**Makluman**

- 4.5. YBhg. Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali (No. Ahli 101059) seterusnya mencadangkan agar Laporan Penyata Kewangan MCPF Tahun 2011 diterima dan telah disokong oleh Encik Abdul Nasir Asmaon (No. Ahli 100825).

**Makluman**

#### **5. PEMBUBARAN MAJLIS EXCO MCPF PENGGAL 2010/2012**

YAB Pengerusi telah membubarkan Majlis Exco MCPF penggal 2010/2012 kerana telah tamat tempoh.

**Makluman**

#### **6. PEMILIHAN MAJLIS EXCO MCPF PENGGAL 2012/2014**

- 6.1. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa pemilihan dibuat mengikut peruntukan Artikel 8(d) Perlembagaan MCPF. Pengerusi menjelaskan sebelum proses pencalonan dan pemilihan dilakukan, seorang Pegawai Pengurus pemilihan (RO) telah dilantik iaitu SAC Mohd Shahrizan bin Che Mat Din, Timbalan Komandan Pentadbiran Maktab PDRM Kuala Lumpur untuk menguruskan proses pencalonan dan pengiraan undi.

**Makluman**

- 6.2. Seterusnya dengan izin, RO telah mengumumkan proses pemilihan Exco bagi penggal 2012/2014 adalah melalui sistem borang undi yang akan dilaksanakan secara demokrasi sepertimana yang telah disarankan oleh YAB Pengerusi MCPF.

**Makluman**

- 6.3. RO menjelaskan kepada semua ahli bahawa kertas undi yang mempunyai nombor siri telahpun diedarkan semasa sesi pendaftaran sebelum itu dan mengingatkan hanya ahli yang berdaftar sahaja layak untuk mengundi. Beliau menjelaskan berlaku sedikit kesilapan pihak urusetia yang mengedarkan borang undi tidak mengikut turutan nombor siri. Beliau turut memaklumkan jumlah ahli MCPF yang berdaftar pada mesyuarat kali ini adalah seramai 150 orang.

**Makluman**

- 6.4. Tambah beliau lagi, setiap pencalonan mestilah mempunyai pencadang dan penyokong dan sepertimana yang telah diperuntukan mengikut Artikel 8 Perlembagaan MCPF, sebanyak 17 kerusi Exco MCPF akan dipertandingkan.

### Makluman

- 6.5. Senarai nama pencalonan Exco MCPF beserta nama pencadang dan penyokong adalah seperti berikut :-
- 6.6.1. Tan Sri Lee Lam Thye - Prof. Dr. P Sundramoorthy (pencadang)  
- Dato' Syed Jaafar Syed Ali (penyokong)
  - 6.6.2. Tan Sri Robert Phang - En. Cheah Swee Sen (pencadang)  
- Datuk Kamarudin Md Ali (penyokong)
  - 6.6.3. Datuk Kamarudin Md Ali - Datuk Dr. Denison Jayasooria (pencadang)  
- Dato' AB. Wahab b. Dato' Seri Azizul Hassan (penyokong)
  - 6.6.4. Dato' Leong Kin Mun - En. Azman Saidin (pencadang)  
- Dato' Johny Ch'ng (penyokong)
  - 6.6.5. Datuk Eddy Chen Lok Loi - Datuk Dr. Denison Jayasooria (pencadang)  
- Dato' Johny Ch'ng Ewe Gee (penyokong)
  - 6.6.6. En. Bok Siew Mun - Dato' Ng Peng Hay (penyokong)  
- Datuk Chandrakant S.N. Avalani (penyokong)
  - 6.6.7. En. Kamal Affandi Hashim - Tan Sri Lee Lam Thye (pencadang)  
- Datuk Kamarudin Ali (penyokong)
  - 6.6.8. Dato' Wong Pui Lam - Datuk Kamarudin Md Ali (pencadang)  
- Tan Sri Lee Lam Thye (penyokong)
  - 6.6.9. ACP Fatimah Abd Hamid - Tan Sri Hj. Ismail Omar (pencadang)  
- Tan Sri Lee Lam Thye (penyokong)
  - 6.6.10. DSP Chan Kuang Yu - Tan Sri Hj. Ismail Omar (pencadang)  
- Dato' Johny Ch'ng Ewe Gee (penyokong)
  - 6.6.11. Dato' Hj. Rahmat Ismail - Tan Sri Lee Lam Thye (pencadang)  
- Tan Sri Robert Phang (penyokong)
  - 6.6.12. Datuk Muhammad Fuad Talib - Mohd. Rozzari Badiuzzaman (pencadang)  
- En. Kamal Affandi Hashim (penyokong)
  - 6.6.13. Dato' Azman Amin Hassan - Tan Sri Hj. Ismail Omar (pencadang)  
- Datuk Kamarudin Md Ali (penyokong)



- |  |  |
|--|--|
| 6.6.14. Dato' Pulayantran a/l Kayambu                    | - Dato' Syed Jaafar Syed Ali (pencadang)<br>- Prof. Dr. P. Sundramoorthy (penyokong) |
| 6.6.15. Dato' Wira Zulkipli Omar                         | - Tan Sri Hj. Ismail Omar (pencadang)<br>- Datuk Kamarudin Md Ali (penyokong)        |
| 6.6.16. En. Adrain Jerome                                | - Datuk Kamarudin Md Ali (pencadang)<br>- Dato' William Lim (penyokong)              |
| 6.6.17. Dato' Sri Navaneethakrishner a/l Kathirgamatamby | - En. Amri Salleh (pencadang)<br>- Dato' Johny Ch'ng (penyokong)                     |
| 6.6.18. Dato' Mohd Som Sulaiman                          | - Datuk Muhammad Fuad Talib (pencadang)<br>- Datuk Kamarudin Md Ali (penyokong)      |
| 6.6.19. En. Kuah Leong Chan                              | - Hj. Jae Affandi Hussin (pencadang)<br>- En. Kelvin Yeap Tong Wei (penyokong)       |
| 6.6.20. Dato' Johny Ch'ng Ewe Gee                        | - Hj. Aziz Ariffin (pencadang)<br>- Dato' R. Paramasivam S. Rajoo (penyokong)        |
| 6.6.21. Dato' William Lim                                | - Tan Sri Lee Lam Thye (pencadang)<br>- Tan Sri Robert Phang (penyokong)             |
| 6.6.22. En. Kelvin Yeap Tong Wei                         | - En. Benny See Kwong Meng (pencadang)<br>- En. Kuah Leong Chan (penyokong)          |
| 6.6.23. En. Cheah Swee Sen                               | - Tan Sri Robert Phang (pencadang)<br>- Datuk Kamarudin Md Ali (penyokong)           |
| 6.6.24. Dato' Mohamed Darus Mahmud                       | - Datuk Kamarudin Md Ali (pencadang)<br>- Tan Sri Robert Phang (penyokong)           |

**Makluman**

- 6.6. Setelah menerima 24 pencalonan, Dato' Johny Ch'ng mencadangkan agar pencalonan ditutup dan disokong oleh Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali.

**Makluman**

- 6.7. RO kemudiannya membacakan semula senarai nama pencalonan dan memaklumkan proses pemilihan dibuat dengan meletakkan nombor pencalonan ahli di dalam borang undi yang telah diedarkan. Beliau memperkenalkan wakil-wakil bagi membantu proses pengutipan dan pengiraan undi iaitu Supt. Hj. Shukri b. Yaacob, DSP Pat Kam Seng dan ASP Zainudin b. Yatiman.

**Makluman**

- 6.8. YAB Pengerusi menjelaskan kepada semua ahli supaya memilih 17 nama sahaja daripada 24 pencalonan yang diterima.

**Makluman**

- 6.9. YAB Pengerusi memaklumkan bahawa proses pemilihan secara demokrasi yang dilaksanakan pada kali ini adalah pertama kali dilakukan di dalam MCPF. Oleh yang demikian, beliau berharap pada masa-masa akan datang pihak Sekretariat akan menyediakan peraturan-peraturan pemilihan dalam tempoh 2 atau 3 minggu lebih awal dan akan memudahkan proses pencalonan dan pemilihan.

**Tindakan: Penasihat Undang-undang  
& Sekretariat MCPF**

- 6.10. Memandangkan proses pemilihan dan pengiraan undi akan mengambil masa yang agak panjang, YAB Pengerusi memohon izin untuk menyerahkan tugas pengerusi mesyuarat kepada YDH Tan Sri Hj. Ismail Omar, Timbalan Pengerusi MCPF kerana perlu hadir ke majlis rasmi yang lain. YAB Tan Sri Muhyiddin mengucapkan terima kasih kepada semua dan berharap agar proses pemilihan berjalan lancar.

**Makluman**

- 6.11. Mesyuarat seterusnya dipengerusikan oleh YDH Tan Sri Hj. Ismail Omar dan meneruskan agenda Pindaan Perlembagaan MCPF sementara menunggu proses pengiraan undi selesai.

**Makluman**

## **7. PINDAAN PERLEMBAGAAN MCPF**

- 7.1. YDH Pengerusi menjemput Datuk Kamarudin Md Ali untuk membentangkan pindaan perlembagaan MCPF. Datuk Kamarudin memaklumkan bahawa cadangan pindaan perlembagaan MCPF telahpun diedarkan kepada semua ahli MCPF dan terdapat hanya 2 ahli yang memberikan cadangan. Beliau seterusnya meminta En. Kelvin Yeap menerangkan tentang cadangan yang telah dikemukakannya.

**Makluman**

- 7.2. En. Kelvin Yeap menerangkan dua cadangan tambahan di bawah Artikel 3 Pindaan Perlembagaan (mukasurat 3) iaitu :-

*(p) to invest in companies and projects in order to generate income, dividends, profits pertaining to objective and activities as provided for in Article 2 & 3.*

*(q) to acquire invest or receive donation in term of lands, buildings and assets which would be of benefit to the Foundation and its members.*

**Makluman**

- 7.3. Datuk Kamarudin memaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Pengurusan MCPF telah berbincang dan berpendapat MCPF tidak seharusnya menjadi sebuah organisasi yang mementingkan keuntungan.

**Makluman**



- 7.4. Cadangan En. Kelvin Yeap yang seterusnya adalah di bawah Artikel 15 Pindaan Perlembagaan (mukasurat 12) iaitu mengaktifkan Ahli Seumur Hidup (Life Members) dan juga menambah kategori keahlian iaitu Honorary Life Members. Datuk Kamarudin memberitahu cadangan ini akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan MCPF dengan lebih mendalam lagi.

**Tindakan: Jawatankuasa Pengurusan MCPF**

- 7.5. Selain itu, En. Kelvin Yeap juga menyarankan agar Artikel 19 (b) Pindaan Perlembagaan (mukasurat 15) iaitu menambah 1 jawatan Timbalan Pengerusi di peringkat Jawatankuasa Perhubungan Negeri. Datuk Kamarudin menjelaskan buat masa sekarang sudah diwujudkan banyak jawatan di dalam Jawatankuasa Perhubungan Negeri (SLC's).

**Makluman**

- 7.6. En. Kelvin Yeap juga mencadangkan agar Artikel 19 (h)(x) Pindaan Perlembagaan (mukasurat 17) dihapuskan. Datuk Kamarudin memaklumkan bahawa cadangan tersebut tidak akan dibincangkan kerana pindaan perlembagaan yang dibentangkan telah pun mendapat kelulusan Majlis Exco MCPF.

**Makluman**

- 7.7. Seterusnya Datuk Kamarudin menjemput Cik Khairul Basyariah bt. Saaya untuk membentangkan cadangannya. Cik Khairul Basyariah mencadangkan agar diwujudkan jawatan Pengerusi Bersama yang akan dipegang oleh Ketua Polis Negeri di bawah Artikel 19 Pindaan Perlembagaan. Datuk Kamarudin memaklumkan bahawa jawatan tersebut tidak ditetapkan di dalam Perlembagaan MCPF kerana terdapat juga Ketua Polis Negeri yang memegang jawatan Pengerusi SLC's.

**Makluman**

- 7.8. YDH Pengerusi menegaskan bahawa semua SLC's mestilah bergerak aktif dan mencadangkan agar diwujudkan jawatankuasa kerja yang boleh bekerjasama dan melaksanakan program serta aktiviti di peringkat negeri masing-masing. Beliau mahukan SLC's yang mempunyai banyak kumpulan pelaksana.

**Tindakan: MCPF Negeri**

- 7.9. Tan Sri Lee Lam Thye bersetuju dengan saranan YDH Pengerusi dan berpendapat apa yang harus diutamakan adalah setiap SLC's mempunyai tanggungjawab untuk mencari jalan dan merancang untuk memperkukuhkan MCPF di peringkat negeri. Beliau mengakui bahawa terdapat beberapa SLC's yang mempunyai banyak ruang untuk penambahbaikan dari aspek pengurusan organisasi, pemantapan pelbagai program, serta menggerakkan aktiviti yang dirancang sehingga ke peringkat daerah.

**Makluman**

- 7.10. En. Cheah Swee Sen mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Lee Lam Thye, Datuk Kamarudin Md Ali, Tan Sri Robert Phang dan Exco MCPF yang lain yang banyak turun padang menjayakan program yang dianjurkan di peringkat SLC's.

**Makluman**

- 7.11. YDH Pengerusi memaklumkan jika tiada lagi cadangan, beliau memohon agar pindaan perlembagaan MCPF diterima. Mesyuarat seterusnya menerima sebulat suara untuk meluluskan pindaan perlembagaan MCPF.

**Makluman**

- 7.12. YDH Pengerusi merakamkan ucapan penghargaan kepada semua Exco MCPF yang berusaha di dalam pindaan perlembagaan.

**Makluman**

### **II. HAL-HAL LAIN**

- 8.1. Datuk Muhammad Fuad Talib memaklumkan bahawa jumlah ahli MCPF semakin bertambah dan mencadangkan agar seminar atau bengkel kepada ahli-ahli MCPF dapat diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. YDH Pengerusi menyatakan ia satu cadangan yang baik kerana boleh membangkitkan lagi semangat volunteerisme di kalangan ahli MCPF. Ia juga merupakan petunjuk bahawa kesedaran masyarakat terhadap pencegahan jenayah semakin meningkat. Beliau memaklumkan perkara ini akan dibincangkan di dalam mesyuarat Exco MCPF nanti.

**Tindakan: Jawatankuasa Pengurusan MCPF**

- 8.2. Datuk Dr Denison mencadangkan agar lebih banyak program atau aktiviti pencegahan jenayah dilaksanakan di kawasan kejiranan yang berisiko tinggi. Program tersebut perlu juga melibatkan polis sebagai program community policing di samping penglibatan dari pada Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, dan persatuan penduduk. YDH Pengerusi menerima baik cadangan tersebut dan memaklumkan bahawa pihak MCPF akan melaksanakannya secara berperingkat.

**Makluman**

- 8.3. En. Hassan bin Talib berpendapat bahawa isu yang paling penting adalah bagaimana untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap polis sungguhpun prestasi pasukan polis telah meningkat. Tan Sri Lee Lam Thye juga bersetuju dengan pendapat tersebut dan menyatakan bahawa MCPF boleh menjadi jambatan perhubungan antara masyarakat dengan polis iaitu menjemput wakil polis di dalam pelbagai program pencegahan jenayah anjuran MCPF dan lain-lain agensi. Beliau berpendapat sudah menjadi tanggungjawab semua ahli MCPF untuk membantu memperbetulkan persepsi masyarakat.

**Makluman**

- 8.4. En. Kelvin Yeap mencadangkan agar laman web MCPF sentiasa dikemaskini dan berpendapat bahawa logo atau bahan cetakan pencegahan jenayah oleh MCPF hendaklah selaras (standardise) di semua peringkat pusat mahupun negeri.

**Tindakan: Sekretariat & MCPF Negeri**



- 8.5. Datuk Henry Chin memaklumkan tentang pengalaman MCPF Sabah yang mempunyai kakitangan tetap untuk menguruskan pentadbiran peringkat negeri. Jawatan Setiausaha telah wujud lebih kurang 10 tahun yang lalu telah banyak memudahkan pentadbiran dan operasi MCPF Sabah. Beliau mencadangkan agar jawatan tersebut diwujudkan di semua MCPF Negeri dengan menggunakan geran RM500 daripada MCPF Pusat dan sumbangan ahli jawatankuasa peringkat negeri untuk membayar gaji.

**Tindakan: MCPF Negeri**

- 8.6. Datuk Eddy Chen pula menyatakan jawatan Setiausaha tersebut sangat penting bagi melicinkan pentadbiran dan operasi setiap negeri. Beliau berpendapat MCPF Negeri mestilah berusaha untuk menambah dana masing-masing tanpa terlalu mengharapkan dana daripada peringkat pusat. Tambah beliau, MCPF Negeri mampu menambah dana jika pentadbiran dapat diuruskan dengan baik dan sistematik.

**Tindakan: MCPF Negeri**

- 8.7. Datuk Dr. Denison mencadangkan agar pada masa hadapan, laporan aktiviti dan perbelanjaan tahunan MCPF Negeri turut dimuatkan di dalam buku laporan tahunan MCPF. Ia sekaligus akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang peranan yang telah dimainkan oleh MCPF Negeri. YDH Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut.

**Tindakan: Sekretariat**

- 8.8. Cik Khairul Bashariah mencadangkan agar diwujudkan tabung pembiayaan wang pendahuluan di peringkat negeri untuk menjalankan aktiviti/ program. YDH Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini akan dibincangkan semasa mesyuarat Exco akan datang.

**Tindakan: Jawatankuasa Pengurusan MCPF**

## **9. PENUTUP**

- 9.1. YDH Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa Pegawai Pengurus pemilihan (RO) telahpun bersedia untuk mengumumkan keputusan pemilihan barisan Exco MCPF bagi penggal 2012/2014 yang telah dipilih berdasarkan kiraan undi tertinggi.

**Makluman**

- 9.2. RO kemudiannya mengumumkan keputusan dipilih seperti berikut:-

<u>Nama Calon</u>	<u>Jumlah Undi</u>
9.2.1. Tan Sri Lee Lam Thye	132
9.2.2. Datuk Kamarudin Md Ali	127
9.2.3. ACP Hjh. Fatimah Abd. Hamid	117
9.2.4. Datuk Eddy Chen Lok Loi	115
9.2.5. Encik Kamal Affandi Hashim	110
9.2.6. Dato' Hj. Rahmat Ismail	110
9.2.7. Dato' Azman Amin Hassan	109
9.2.8. DSP Chan Kuang Yu	107
9.2.9. Dato' Wira Zulkifli Omar	102

9.2.10. Dato' Johnny Ch'ng Ewe Gee	101
9.2.11. Tan Sri Robert Phang	100
9.2.12. Dato' Leong Kin Mun	99
9.2.13. Datuk Muhammad Fuad Talib	95
9.2.14. Dato' William Lim	87
9.2.15. Dato' Pulayantran a/l Kayambu	84
9.2.16. Dato' Sri Navaneethakrishner a/l Kathirgamatamby	83
9.2.17. Dato' Wong Pui Lam	79
9.2.18. Encik Kelvin Yeap Tong Wei	79
9.2.19. Dato' Mohd Som Hj. Sulaiman	76
9.2.20. En. Bok Siew Mun	65
9.2.21. En. Adrain Jerome Jayasainan	54
9.2.22. Dato' Mohamed Darus Mahmud	50
9.2.23. En. Cheah Swee Sen	49
9.2.24. En. Kuah Leong Chan	42

### Makluman


- 9.3. YDH Pengerusi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang dipilih menjadi Exco MCPF bagi penggal 2012/2014. Bagi yang tidak dipilih, beliau mengucapkan jutaan terima kasih dan berharap akan dapat terus bekerjasama.

### Makluman

- 9.4. Akhir kata, YDH Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan yang menayakan mesyuarat agung kali ini. Beliau berharap dapat berjumpa lagi pada masa-masa akan datang dan telah menangguhkan mesyuarat ke satu tarikh pada tahun hadapan. Mesyuarat tamat pada jam 12.30 tengahari.


### Makluman

**Disediakan oleh;**



**ACP HJH. FATIMAH ABD. HAMID**  
Setiausaha  
Mesyuarat Agung MCPF Kali Ke-19

**Disemak oleh;**



**IGP TAN SRI HAJI ISMAIL OMAR**  
Timbalan Pengerusi  
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

## Senarai Kehadiran Pada Mesyuarat Agung Kali Ke-19

Bil.	Nama	No.Ahli	Bil.	Nama	No.Ahli
1	TUN MOHAMMED HANIF QAMAR	100002	78	THANALETHUMY MARIMUTHU	101744
2	DATUK HENRY CHIN POY WU	100010	79	GUNNISEN PALANISAMY	101746
3	TAN SRI LEE LAM THYE	100013	80	LOH YOKI BEN	101753
4	DATUK KAMARUDIN MD ALI	100016	81	MD NOH @ MOHAMMED BIN A. JABBAR	101762
5	DATO WONG PU LAM	100035	82	CHIN KEE CHEONG	101773
6	DATO RICHARD ONG GUAN SENG	100140	83	T EH HUN PHING	101792
7	KELVIN YEAP TONG WEI	100171	84	DATO AB WAHAB B. DATO SERI	
8	CHIAN KWAN FOONG	100212		AZIZUL HASSAN	101794
9	KWAN PENG HONG	100213	85	ANITA PONJIDURAI	101802
10	DATO NOORDIN ALAUDDIN	100238	86	T EH BENG KHOO	101803
11	DATUK EDDY CHEN LOK LOI	100242	87	DATO SRI DR. RASHID ALI	101807
12	DATO HI RAHMAT ISMAIL	100265	88	KYSLPHINE WONG SAI FONG	101808
13	ADIB VINCENT TUNG ABDULLAH	100269	89	ABUDDIN MAT HASSAN	101814
14	DATO NG PENG HAY	100284	90	MISWAN BIN TIMIN	101815
15	BENNY SEE KWONG MENG	100304	91	SAIFUL HAMIRUZZAMAN MOHD HAZIR	101818
16	DATO CHUA LAI HUAT	100346	92	DATO DR. LENNON TAN POH SOON	101821
17	DATO WILLIAM LIM WIE TEE	100355	93	CHIN CHIEW CHHOON	101823
18	DATO GOH SIOW HUAT	100358	94	AZMAN BIN SAIDIN	101825
19	KASMA BT. HI HASSAN	100416	95	WONG CHONG MENG	101826
20	DATO MOHD SOM HI SULAIMAN	100426	96	T EH TIONG HOON	101834
21	MARIMUTHU TANIMALAY	100448	97	HASHIM BIN ALI	101835
22	JAYABALAN A. KRISHNAN	100450	98	LEONG MENG WYE	101837
23	NORMA BT. JAAFAR	100467	99	EDDIE TAN CHIN PENG	101845
24	NOH BIN IDRIS	100468	100	DATO MOHAMED DARUS MAHMUD	101846
25	JAAFAR BIN AWISA	100469	101	PROF. MADYA DR. SUNDARAMOORTHY	
26	DATO STEPHEN YOON CHEE KEONG	100474		ALPATHMANATHAN	101849
27	SANNAST NAIDU RAMALOO	100546	102	DATO DR. ZAMRI MD TAHIR	101850
28	MOHAMED SUFEI HI AHMAD AL QASASY	100585	103	CHANG HONG SEONG	101851
29	OWN BOON SENG	100597	104	TAN GEOK LAN	101859
30	SITI SAUDAH HASSIM	100618	105	LYE KOK KIAN	101861
31	JAYABARATHI MANIKAM	100631	106	DATUK CHANDRAMANI AVALANI	101866
32	SHARDAR AHMAD MEER AHMAD	100638	107	ANWAR BIN ABDUL RAZAK	101869
33	CHEAH SWEE SEN	100701	108	ABD AZIZ ARIFFIN	101879
34	JAMALUDIN MUSTAFFA	100736	109	DATO R. PARAMASIVAM S RAJOO	101881
35	DATUK FRANCIS YAP TAI NYEN	100760	110	AZIAN BT. OTHMAN	101885
36	DATUK DR DENISON JAYASOORNIA	100762	111	MOHD EMIL AZRI BAHARI B. MD NOOR	101887
37	NADARAJAN VEERASAMY	100818	112	TALUDDIN AB KADIR	101888
38	TAN SEW SEWAN	100824	113	RUAH LEONG CHAN	101893
39	ANDUL NASIR ASMAON	100825	114	YOW SENG LING	101896
40	MOHD KAMIL OTHMAN	100846	115	YEE CHOON SOON	101897
41	FUNG WENG LEONG	100855	116	LOKE CHEE KONG	101898
42	E KIM LENG	100928	117	BOR SIEW MUN	101899
43	DAHLAN BIN RAMLI	100985	118	DATO LEONG BIN MUN	101913
44	ZULKEFLI ARIFFIN	100993	119	LEE FOOK ONN	101921
45	DATO SYED JAAFAR SYED ALI	101059	120	HASSAN BIN TALIB	101922
46	DATO PULAKANTHAN RAYAMBU	101173	121	MOHAMMAD ALI ABD GHANI	101929
47	ARULSAMY MANICKAM	101351	122	AB WAHAB SHAARI	101930
48	CHEONG KAM CHOY	101437	123	ODD BENG CHYE	101931
49	LIANG AH WAH	101459	124	LIF HONG KHIM	101932
50	NGAN YUEN SAN	101471	125	DATO NAVANEETHAKRISHNER	
51	RASIDA HI RAMLI	101474		KATHIRGAMATAMBY	101937
52	THAYALAN KRISNASAMY	101479	126	DATUK MUHAMMAD FIAD TALIB	101944
53	AZLI BIN MOHD SAMIN @ AMIN	101485	127	YAZID BIN RAZALI	101946
54	VETHAMANICKAM MARIYADOSS	101496	128	ZAILAH BIN DOLLAH	101955
55	DATO DR. UMAR MUHAMMAD	101540	129	AMIR BIN SALEH	101956
56	ADRAN JEROME JAYASUNAN	101570	130	LOH SAN FATT	101957
57	TAN SRI ROBERT PHANG MOW SIN	101576	131	DATO MANGSOR ISMAIL	101958
58	ITRYKUMATHA SISRALAH	101594	132	CHEW SANG HIN	101959
59	ADLAN SAAH MOHD SAMAN	101599	133	OEH EANG HOCK	101962
60	NOR AYOB MASIMON	101601	134	THAM WAI HONG	101963
61	CHONG WAI LOONG	101615	135	PROF. MADYA DR. KAMARUDIN NGAH	101966
62	AZRI BIN LAJI	101626	136	SUNNY PEH EE SUN	101967
63	MOHD FAUZI RABIDIN	101627	137	T EH LAI QUEEN	101968
64	LIM WENG FATT	101644	138	DR. KAMAL AB HAMID	101969
65	MUHAMMAD RAJA BIN ABDULLAH	101646	139	DR. MOHD FITRI ABDUL RAHMAN	101971
66	DATO JOHNY CHNG EWE GLE	101658	140	LIM CIM LEONG	101972
67	HEAW HUI YEE	101659	141	CHONG SENG MING	101975
68	KHOR KEE HING	101670	142	MUNUSAMY MUNIANDY	101978
69	CHIN TUCK LOON	101685	143	MOHAMMAD YUSOP BIN SHARIF	101983
70	CHNG EWE KHENG	101689	144	JAE ATTANDI B. HUSSIN	101985
71	CHNG EWE KOK	101693	145	VRAJOO AT. KALIMUTHU	101987
72	CHING WEI LOON	101694	146	SIRAJUDIN BIN Y MOHAMED MYLZIN	101989
73	BEH KIM SENG	101709	147	MOHD ROZZARI BADIUZZAMAN	101990
74	SUBRAMANIAM SELLAM	101715	148	YEAP BOON PING	101991
75	MD ALI BIN CHIK	101717	149	ASIA PACIFIC LAND BERHAD	800004
76	SECERAN MUTHUSAMY	101740	150	RUKUN TETANGGA BRICKFIELDS	900009
77	KHAIRUL BASHARIAH BT. SAAYA	101741			



**Yayasan Pencegahan Jenayah  
Malaysia**

(Malaysia Crime Prevention Foundation)  
(Incorporated in Malaysia)

**Financial statements for the year  
ended 31 December 2012**

**Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia**

(Malaysia Crime Prevention Foundation)

(Incorporated in Malaysia)

**Balance sheet at 31 December 2012**

	Note	2012 RM	2011 RM
<b>Plant and equipment</b>	4	111,823	69,422
<b>Investments</b>	5	265,000	287,500
<b>Current assets</b>			
Sundry debtors and deposits	6	75,000	45,710
Interest income receivable		45,927	43,775
Dividend income receivable		828	828
Cash and cash equivalents	7	4,486,235	4,787,392
		<u>4,607,990</u>	<u>4,877,705</u>
<b>Current liabilities</b>			
Sundry creditors and accruals		25,210	23,118
<b>Net current assets</b>		4,582,780	4,854,587
		<u>4,959,603</u>	<u>5,211,509</u>
<b>Financed by:</b>			
<b>Accumulated funds</b>		<u>4,959,603</u>	<u>5,211,509</u>

The notes on pages 4 to 9 are an integral part of these financial statements.

## Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

(Malaysia Crime Prevention Foundation)

(Incorporated in Malaysia)

### Income and expenditure account for the year ended 31 December 2012

	Note	2012 RM	2011 RM
<b>Income</b>			
Annual subscriptions		58,150	69,530
Dividends		28,350	-
Donations received	3	1,368,130	1,662,812
Entrance fees		2,960	1,770
Interest		115,533	123,100
Gain on disposal of motor vehicle		21,667	-
Gain on disposal of investment		16,150	-
		<u>1,610,940</u>	<u>1,857,212</u>
<b>Less: Expenditure</b>			
Annual general meeting		24,229	22,576
Audit fee – current year		1,500	1,500
Audit fee – overprovision in prior year		(1,500)	-
Bank charges		878	858
Catering and refreshments		54,083	78,914
Conference expense		7,380	2,241
Depreciation	4	35,299	29,671
Fund raising event		163,218	134,026
Insurance		-	5,393
Miscellaneous		71,921	19,393
Office rental		25,069	20,923
Payroll costs		263,451	268,973
Printing, postage and stationeries		34,150	44,103
Property, plant and equipment written off		-	-
Repairs and maintenance		21,674	9,481
Seminar and workshop expenses		934,914	787,132
Staff uniforms		8,448	6,229
Subscription written off		2,980	42,550
Telephone and electricity		19,758	22,458
Travelling and accommodation		175,016	102,433
Allowance for doubtful debts		19,290	27,440
		<u>1,861,758</u>	<u>1,626,294</u>



**Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia**

(Malaysia Crime Prevention Foundation)

(Incorporated in Malaysia)

**Income and expenditure account for the year ended  
31 December 2012 (continued)**

	Note	2012 RM	2011 RM
<b>(Deficit of expenditure over income) / Excess of expenditure over income before tax</b>		(250,818)	230,918
<b>Taxation</b>	8	(1,088)	-
<b>Transfer to accumulated funds</b>		(251,906)	230,918
<b>Accumulated funds brought forward</b>		5,211,509	4,980,591
<b>Accumulated funds carried forward</b>		<u>4,959,603</u>	<u>5,211,509</u>

The notes on pages 4 to 9 are an integral part of these financial statements.

## **Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia**

(Malaysia Crime Prevention Foundation)

(Incorporated in Malaysia)

### **Notes to the financial statements**

#### **1. Principal activities**

The principal objectives of the Foundation are to contribute to the enhancement of effective measures for crime prevention and the treatment of offenders, and to promote public awareness of and participation in crime prevention efforts. The foundation is a non-profit making organisation.

The financial statements were approved and authorised for issue by the Executive Council on 14 March 2013.

